



09 JAN, 2023

## Tempatkan pegawai fasih Mandarin di lapangan terbang

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

## Tempatkan pegawai fasih Mandarin di lapangan terbang

**BINTULU:** Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan menempatkan pegawainya yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin di semua lapangan terbang antarabangsa di negara ini, kata Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tiong King Sing (*gambar*).

Menurutnya, langkah itu akan membantu kelancaran di pintu sempadan terutamanya melibatkan pengembara dari China yang lemah berbahasa Inggeris dan tidak memahami bahasa Malaysia.

"MOTAC akan menyelaraskan usaha ini bersama pihak penguasaan lapangan terbang antarabangsa seluruh negara dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

"Selain itu, langkah ini turut memastikan ketersediaan di pintu sempadan negara dan seterusnya melancarkan proses kemasukan pengembara khususnya dari China," katanya dalam satu kenyataan dalam laman rasmi Facebook beliau, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bintulu memberitahu, sejumlah besar pengembara dari China dijangka akan memasuki Malaysia untuk melancong berikutan negara itu telah menutup sempadan mereka selama lebih tiga tahun.

"Bagi menerima dan mengalu-alukan kedatangan pelancong China dengan lebih baik, MOTAC mencadangkan untuk menyediakan laluan mudah di

lapangan terbang antarabangsa. Ini bukan sahaja untuk kelancaran, tetapi juga dapat menyingkatkan proses ketibaan.

"Selain mempercepat proses pemeriksaan kastam tanpa menjejaskan pengembara dari negara-negara lain, langkah ini juga dapat menonjolkan sifat mesra Malaysia dalam mengalu-alukan kedatangan pengembara dari China," jelas Tiong.

Pada masa sama, tambah beliau, ia juga tetap mengambil kira tahap kesihatan dan keselamatan pengembara dari China serta menghapuskan kebimbangan pelancong asing berhubung langkah Malaysia dalam mengetatkan Prosedur Operasi Standard (SOP) di pintu masuk



negara.

"Saya merakamkan penghargaan kepada Jabatan Imigresen kerana bersetuju membuka laluan mudah bagi memudahkan dan

mempercepat proses kemasukan pengembara yang memasuki negara kita serta mempercepat proses pemeriksaan kastam," ujarnya.



09 JAN, 2023

## Tempatkan pegawai fasih Mandarin di lapangan terbang

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

BINTULU: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan menempatkan pegawainya yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin di semua lapangan terbang antarabangsa di negara ini, kata Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tiong King Sing (gambar). Menurutnya, langkah itu akan membantu kelancaran di pintu sempadan terutamanya melibatkan pengembara dari China yang lemah-berbahasa Inggeris dan tidak memahami bahasa Malaysia.